

TARIKH	ISNIN, 27 MEI 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	'SUNGAI SIMIN BERTUKAR WARNA JADI MACAM SUSU'
M/S	20
BIDANG	WASTE
KATA KUNCI	

# 'Sungai Simin bertukar warna jadi macam susu'

Penduduk D'Latania Taman Bandar Senawang minta pihak berkuasa siasat

Oleh Ahmad Hasbi  
bhnews@bh.com.my

**Seremban:** Penduduk D'Latania Taman Bandar Senawang, di sini, bimbang berikutan air Sungai Simin berhampiran kawasan perumahan mereka dipercayai tercemar selepas tiba-tiba bertukar warna seakan-akan susu.

Selain berubah warna, ia turut mengeluarkan bau yang memeningkan seolah-olah dicemari bahan toksik atau berkimia.

Penduduk, Mohd Khir Johari, 43, berkata biasanya air sungai di belakang rumahnya jernih, namun berubah menjadi warna putih seperti susu.

"Kira-kira jam 10 pagi semalam penduduk memaklumkan air sungai itu berwarna putih sebelum saya melihatnya sendiri dan merakam foto dan video.

"Saya kemudian menghubungi talian hotline Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan melaporkan kejadian itu sebelum beberapa pegawai agensi terbabit turun ke lokasi.

"Sepanjang tinggal di sini sejak dua tahun lalu, ini kali pertama saya melihat air sungai belakang rumah bertukar warna



Zanifol Nizam (kiri) dan Mohd Khir menunjukkan video air Sungai Simin bertukar warna seakan-akan susu berhampiran D'Latania Taman Bandar Senawang, Seremban, semalam.

(Foto Azrul Edham/BH)

dan mengeluarkan bau.

"Kami bimbang ia disebabkan pencemaran atau bahan kritikal, jadi berharap pihak berkuasa dapat menyasat punca dan jenis bahan yang mencemari air ini," katanya.

#### JAS mula siasatan

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) perumahan itu, Zanifol Nizam Ahmad berkata,

ada penduduk terpaksa menyewa hotel kerana tidak tahan dengan bau dari sungai itu.

"Saya harap pihak berkuasa dapat ambil tindakan tegas kerana kejadian sama berulang lagi.

"Sebelum ini keadaan agak kritikal sehingga menyebabkan ada kanak-kanak sesak nafas, malah ada terpaksa berpindah keluar buat sementara waktu," katanya.

Pengarah JAS negeri, Hamzah Mohamad, berkata pihaknya sudah mula menjalankan siasatan berhubung insiden itu sejurus mendapat aduan daripada penduduk.

"Kami sudah mengambil sampel air dan tindakan selanjutnya akan dijalankan untuk menyasat punca pencemaran dan jenis bahan terkandung di dalam air berkenaan," katanya.